



## MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

### Iklan Jawatan Kosong

Permohonan dipelawa kepada warganegara Malaysia, **keutamaan akan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti yang berikut:

#### **Penolong Pegawai Tadbir Gred N29**

Taraf Jawatan: Kontrak

Kekosongan : 1

Jadual Gaji : Gaji Minimum : RM1,493.00 – Gaji Maksimum : RM5,672.00

#### **SYARAT - SYARAT LANTIKAN:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
- b) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
- c) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
- d) Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.

#### **SYARAT - SYARAT KELAYAKAN:**

- a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**( Gaji permulaan: RM1,493.00 ); atau**
- b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**( Gaji permulaan: RM1,493.00 ); atau**
- c) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**( Gaji permulaan: RM1,770.95 ); dan**
- d) kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **BIDANG KEUTAMAAN:**

- i) Diploma dalam bidang pelancongan; atau
- ii) Diploma dalam bidang pemasaran.

### **Cara Memohon :**

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting atau muat turun dari laman web [www.mpkl.gov.my](http://www.mpkl.gov.my).
2. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
3. Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan ibu dan bapa pemohon, salinan sijil kelahiran pemohon, salinan sijil kelahiran ibu dan bapa pemohon, salinan sijil-sijil akademik dan ko-kurikulum serta salinan sijil-sijil penghargaan yang telah diakui sah oleh Wakil Rakyat/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional/ Pengetua/ Guru Besar/ Penghulu/ Ketua Kampung. Nama jawatan hendaklah dicatat di penjuru kanan sampul surat.
4. Sijil dan diploma perlu disertakan bersama-sama surat pengiktirafan kelayakan perkhidmatan awam dari Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*)
5. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan hanya calon-calon yang layak melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
6. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan adalah tidak berjaya.
7. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar selewat-lewatnya jam 4.30 petang pada tarikh tutup permohonan ke :

**Bahagian Sumber Manusia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat,  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,  
42700 BANTING**

8. Tarikh permohonan pada **27 Ogos 2020 hingga 9 September 2020.**